

Kertas Bil. 37/2016



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 1 DAN 2 OGOS 2016**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN
SUMBER AIR SELANGOR (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER
RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR (JPK-SAS)*)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG “KUANTITI: STATUS
TERKINI PROJEK-PROJEK LOJI RAWATAN AIR LABOHAN DAGANG,
LOJI RAWATAN AIR SEMENYIH 2, DAN PENAIKTARAFAN LOJI
RAWATAN AIR”**

KERTAS BILANGAN 19/2016

LAMPIRAN I

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR*) (JPK-SAS) BERHUBUNG "KUANTITI : STATUS TERKINI PROJEK-PROJEK LOJI RAWATAN AIR LABOAHAN DAGANG, LOJI RAWATAN AIR SEMENYIH 2 DAN PENAIKTARAFAN LOJI RAWATAN AIR" YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DALAM DEWAN SEBAGAI KERTAS MESYUARAT 19 TAHUN 2016 PADA MESYUARAT KEDUA PENGANGGAL KEEMPAT DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KE TIGA BELAS PADA 1 -2 OGOS 2016

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
	<p>Penyata Oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (<i>Special Select Committee On Water Resource Management of the State of Selangor</i>) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung "Kuantiti : Status Terkini Projek-Projek Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Loji Rawatan Air Semenyih 2 Dan Penaiktarafan Loji Rawatan Air"</p>	<p>7.1. JPK-SAS menggesa supaya Kerajaan Negeri Selangor meluluskan peruntukan yang mencukupi dalam Bajet 2017 untuk usaha-usaha agresif penukaran paip-paip dan pengurangan NRW serta apa-apa langkah yang boleh meningkatkan bekalan air terawat Negeri Selangor dalam masa terdekat. Perkara ini harus diberikan perhatian dengan serius oleh Kerajaan Negeri untuk mengelakkan krisis kekurangan air terawat.</p>	√		<p>1) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah meneliti saranan yang dikemukakan oleh JPK-SAS dan bersetuju dengan cadangan tersebut.</p> <p>2) Justeru itu, UPEN telah mencadangkan supaya diperuntukkan sejumlah RM248 juta di dalam belanjawan untuk tahun 2017 hingga 2019 bagi Projek Penggantian Paip Air Lama di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk dilaksanakan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).</p> <p>3) Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri telah pun menyalurkan dalam bentuk geran kepada Air Selangor sejumlah RM30 juta bagi membantu Air Selangor dalam membiayai kerja-kerja penggantian paip lama.</p>


 Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) 1
 Selangor Darul Ehsan